

Alat kesan kanser

UPM mahu komersialkan 'Pengkolimat Jaringan Wayar'



>>Oleh Maialmalina
Mohamed Amin

maialmalina@hmetro.com.my

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengkomersialkan penemuan terbaru, 'Pengkolimat Jaringan Wayar' yang menambah baik kaedah pengimejan nuklear dalam usaha membantu pesakit kanser.

Kaedah pengimejan nuklear adalah salah satu teknik mengesan sel kanser dalam badan manusia yang digunakan secara meluas di Eropah dan Amerika Syarikat, namun tidak begitu popular di sektor perubatan negara.

Ketua Kumpulan Penyelidikan Kejuruteraan Sistem Terbenam dan Kecerdikan Buatan, Fakulti Kejuruteraan UPM, Dr M Iqbal Saripan, berkata pihaknya menemui

kaedah terkini yang mampu mengesan sel kanser lebih kecil berbanding 10 milimeter.

"Sebelum ini rawatan mengesan sel kanser menerusi kaedah pengimejan nuklear hanya boleh melihat sel paling kecil pun dalam 10 milimeter, tetapi menerusi perkakas terbaru ini boleh mengesan saiz kanser sekecil satu milimeter.

"Pengkolimat Jaringan Wayar dibangunkan untuk menambah baik struktur utama mesin Spect, iaitu alat mengesan kanser secara pengimejan nuklear dengan menukar bentuk asalnya daripada bongkah kepada jaringan lebih kecil.

"Ia juga sekali gus menjadikannya lebih ringan, 39.5 kilogram (kg) dan 51.2kg berbanding bentuk konvensional seberat 100kg," katanya pada majlis memperkenalkan hasil penyelidikan di sini, semalam.

Pengkolimat Jaringan Wayar turut memenangi pingat emas dan Ucapan Khas Tah-


niah Juri Geneva 2008, Anugerah Pengerusi dan Emas Agensi Nuklear Malaysia serta pingat perak dalam Ekspo Teknologi Malaysia.

Dr M Iqbal yang juga pensyarah fakulti sama turut memberitahu, sedang menilai tawaran komersialkan produk itu oleh syarikat dari China dan Amerika Syarikat yang juga pengeluar mesin Spect secara besar-besaran.

Menurutnya, tiada tawaran diterima daripada syarikat tempatan memandangkan mesin pengimejan nuklear tidak dikeluarkan di negara ini sebaliknya, Malaysia mendapatkan kemudahan teknologi luar negara.

"Saya sudah patenkan 'Pengkolimat Jaringan Wayar' ini bagi mengelak ia diplak pihak lain dan tempoh satu ke dua tahun lagi diperlukan syarikat untuk menguji produk," katanya.

Beliau berkata sektor perubatan negara dijangka menerima manfaat berikutan ia upaya meningkatkan tahap pengesanan kanser.



TERBARU...Dr M Iqbal menunjukkan Wire Mesh Collimator yang dapat mengesan kanser lebih awal.